



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**27 OGOS 2022 (SABTU)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**27 OGOS 2022 (SABTU)**

HARI : SABTU  
TARIKH : 27/08/2022  
M/SURAT : 1



# Jual barang tiruan secara online

Peniaga kau untung besar dengan mudah

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL  
SHAH ALAM

**P**eniaga dalam talian mampu mengaut keuntungan besar dengan mudah apabila menjual barang berjenama tiruan menerusi media sosial dan platform-platform tertentu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, peniaga dalam talian tidak perlu menyewa premis perniagaan, sekali gus dapat mengurangkan kos seperti bil utiliti atau upah pekerja bagi tujuan jualan.

"Ia secara tidak langsung menjaminkan kos operasi perniagaan dalam talian dan memberikan pulangan lebih kepada peniaga tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* di Ibu Pejabat KPDNHEP di Putrajaya baru-baru ini.

Menurut beliau, selain melaksanakan perenjakaan di premis perniagaan, KPDNHEP turut melakukan pemantauan ke atas para peniaga dalam talian bagi

mengesan kegiatan jualan barang berjenama tiruan.

"Tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan maklumat awal daripada pengadu mahupun risikan yang dilajankan sendiri oleh pegawai KPDNHEP."

"Kita akan memastikan individu atau syarikat yang mengambil kesempatan dalam mengaut keuntungan daripada penjualan barang tiruan ini dikenakan tindakan tegas di bawah undang-undang yang diakui oleh KPDNHEP sama ada secara fizikal atau secara dalam talian," tegasnya.

#### Media sosial

Azman berkata, modus operandi terkini kegiatan penjualan barang tiruan yang dikesan adalah peniaga menjual barang berkenaan melalui media sosial dan penyedia tapak-tapak pasar terkenal dalam talian.

"Kemasukan barang tiruan adalah melalui pintu masuk negara ataupun trend terkini pembelian secara dalam talian yang diantaranya melalui kurier dan sebagainya."

"Selain itu, ada antara peniaga yang terlibat menjadikan rumah sewa atau kediaman sebagai stor penyimpanan stok barang mereka sebelum dipasarkan ke seluruh negara," katanya.

Azman memberitahu, lamba-



KPDNHEP turut melakukan pemantauan ke atas peniaga dalam talian bagi mengesan kegiatan jualan barang berjenama tiruan.

kan barang berjenama tiruan di pasaran adalah berpuncak daripada banyak faktor, antaranya permintaan yang tinggi.

"Lambakan barang tiruan ini berpuncak daripada permintaan tinggi pengguna yang mahu membeli barang berjenama (branded) tetapi hanya mampu membeli dengan harga murah," ujarnya.

Beliau berkata, kebanyakan barang yang berjenama sememangnya dijual pada harga mahal kerana ia lebih berkualiti.

"Kesedaran pengguna berhubung perkara ini perlu diperhatikan dari segi keselamatan dalam membeli barang tiruan tersebut," ujarnya.

Azman berkata, pihaknya mendapati ada peniaga menjual barang tiruan dengan harga hampir sama dengan barang asli kerana ada barang tiruan tersebut nampak seakan-akan sama dari segi kualiti dengan yang asli.

"Namun, pengguna tegar pada barang berjenama ini selalunya dapat membezakan antara kualiti asli dan tiruan tersebut," katanya.

#### Warga asing

Beliau berkata, kegiatan penjualan barang tiruan ini turut disertai warga asing.

"Memang ada antara kes melibatkan warga asing dan ada juga melibatkan warga tempatan yang mementingkan keuntungan ke atas pekerja-pekerja warga asing dengan

upah yang rendah.

"Perkara ini berlaku disebabkan ada permintaan daripada pengguna terutamanya ke atas pakaiannya berjenama, aksesori berjenama dan sebagainya kerana harga barang tiruan ini jauh lebih murah," katanya.

Menurutnya, sasaran lokasi perenjakaan dan serbuan yang dilakukan oleh anggota penguasa KPDNHEP adalah berpaduan maklumat berdasarkan aduan, viral dan juga lokasi hot-spot mengenai barang tiruan.

"Disebabkan ramai yang membuat aduan di lokasi-lokasi tertentu seperti di premis kecil atau kompleks perniagaan yang popular, KPDNHEP dilihat seolah-olah hanya melakukan perenjakaan atau tindakan di lokasi tersebut."

"Hakikatnya, KPDNHEP juga telah menjalankan banyak serbuan di stor-stor penyimpanan. Tetapi kebiasaan stor-stor ini tidak terletak berhampiran kawasan tumpuan orang awam," ujarnya.

“

Lambakan barang tiruan ini berpuncak daripada permintaan tinggi pengguna yang mahu membeli barang berjenama (branded) tetapi hanya mampu membeli dengan harga murah.”

- Azman Adam, Ketua Pengarah Penguasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



Aktiviti penjualan barang tiruan kes akan disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019.





Lambakan barang tiruan dipercaya berpuncak daripada permintaan tinggi oleh pengguna.

Beliau berkata, tindakan yang diambil bukan sahaja menerusi pelaksanaan operasi atau serbuan, tetapi beberapa mekanisme lain juga diguna pakai dalam membuat penguatkuasaan terhadap penjualan barang tiruan.

"Kita turut melaksanakan periksa secara proaktif iaitu pemeriksaan berkala ke kawasan yang didapati bergiat aktif dengan aktiviti penjualan dan pengedaran barang tiruan.

"Tindakan reaktif iaitu periksa dan serbuan ke atas premis yang menjual barang berjemaah tiruan berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagang berdaftar mahupun orang awam," katanya.

Azman berkata, pendekatan preventif atau pencegahan seperti KPDNHEP bekerjasama dengan pemilik kompleks beli-belah dan persatuan peniaga untuk mendidik para peniaga tentang undang-undang dan etika pemilakaan.

"Hasrat kita adalah supaya dapat membentuk self-regulatory (kawal selia sendiri) dalam kalangan peniaga," katanya.

Azman berkata, pihaknya juga menjalankan risikan ke lokasi pengedaran barang tiruan.

"Hasil laporan risikan akan membantu dalam merancang tindakan operasi serbuan dengan lebih berkesan pada masa akan datang," katanya.

#### Petugas khas

Beliau berkata, KPDNHEP juga terlibat dalam Pasukan

Petugas Khas Membanteras Barang Tiruan dan Cetak Rompak.

"Pasukan petugas khas ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan serta pihak industri bagi menyelaras tindakan berspadu dalam membendung barang-barang tiruan dan cetak rompak di pasaran negara.

"Antara agensi kerajaan yang menganggotai pasukan ini ialah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Pejabat Pegawai Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri," katanya.

Menurut Azman, berdasarkan statistik penguatuasaan KPDNHEP berkaitan barang tiruan, sebanyak 651 kes telah direkodkan dengan jumlah nilai rampasan RM8.65 juta dalam operasi di seluruh negara pada tahun 2018.

"Pada tahun 2019 pula, sebanyak 663 kes melibatkan jumlah rampasan RM18.10 juta, jumlah kes meningkat pada 2020 iaitu sebanyak 1,015 kes dengan jumlah nilai rampasan RM32.85 juta," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 295 kes dilaporkan pada tahun lalu dengan nilai rampasan berjumlah RM10.56 juta.

"Statistik pada 1 Januari hingga 30 Jun lalu, sebanyak 137 kes telah direkodkan dengan jumlah nilai rampasan RM2.47 juta," katanya.

Jelas Azman, pihaknya telah melakukan tindakan proaktif dalam usaha memastikan pemilik

premis mematuhi arahan dan tidak memberarkan atau memberikan mana-mana pihak menjalankan aktiviti penjualan barang tiruan atau cetak rompak dengan pengesahan terima notis peringatan yang telah dikeluarkan.

"Sejak 2020 hingga Jun lalu, sebanyak 2,056 notis telah dikeluarkan di seluruh negara kepada premis atau pemilik bangunan yang dikenal pasti berujuan terbabit," katanya.

#### Kerjasama semua pihak

Azman berkata, kegiatan penjualan barang tiruan merupakan isu yang serius dan perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak termasuk pemain industri dan pengguna itu sendiri.

"KPDNHEP menguatkuasaan Akta Cap Dagangan 2019 dan di bawah peruntukan undang-undang ini, sebarang tindakan berhubung barang tiruan memerlukan kerjasama atau aduan daripada pemilik cap dagang itu sendiri.

"Di pihak kementerian pula, banyak tindakan dan operasi tebal dijalankan bagi membanteras kegiatan cetak rompak ini antaranya melalui pelaksanaan Ops Tiru dan operasi serta periksa bersama pemilik cap dagangan sendiri," katanya.

Individu yang melakukan kesalahan berkaitan aktiviti penjualan barang tiruan kes akan disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun.

"Kita mengambil tindakan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembenturan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUA) 2001 kepada individu atau syarikat yang didapati bersalah dalam membekalkan dan menjual barang tiruan atau menyediakan dan menyewakan premis bagi tujuan aktiviti penjualan barang tiruan," ujarnya.

Azman berkata, pengguna juga disarankan supaya tidak menyokong penjualan barang tiruan kerana ia boleh membahayakan keselamatan dan kesihatan terutamanya barang-barang yang berkaitan makanan, ubat-ubatan, peralatan keselamatan, alat ganti kenderaan dan peralatan elektrik.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung isu barang tiruan termasuk tempat penyimpanan, pembuatan dan pembekalan barang tiruan boleh menghubungi KPDNHEP melalui talian 1-800-886-800 atau WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000, portal aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my dan e-mel di e-aduan@kpdnhep.gov.my.

#### ANTARA RAMPASAN BARANGAN TIRUAN OLEH KPDNHEP

**KES 1**  
**PULAU PINANG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang telah menyerbu dua premis disyaki menjual barang tiruan berjemaah antarabangsa di Gelugor dan Jelutong pada 3 Ogos lalu.

Serbuan pertama di Kampung Kastam, Gelugor melibatkan premis menjual pakaian, kasut, tali pinggang, topi dan beg manakala serbuan kedua pulak di sebuah rumah di Lintang Sungai Pinang, Jelutong.

KPDNHEP telah menyita 44 buah beg, 37 helai baju-T, 78 pasang seliar, 16 unit tali pinggang, 15 unit topi disyaki tiruan bernilai RM9,130 dalam serbuan tersebut.

KPDNHEP turut merampas 336 minyak wangi bernilai RM5,376 disyaki menggunakan cap dagangan palsu di lokasi kedua. Seorang lelaki tempatan yang merupakan pemilik rumah ditahan.

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas lebih 1,300 barang tiruan bernilai RM27,612 dalam tiga serbuan di negeri ini pada 19 Julai lalu.

Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan berkemara dibuat terhadap dua premis di daerah ini dan satu di Marang yang disyaki menjual barang tiruan.

Katanya, enam lelaki tempatan berusia 20-an turut ditahan bagi membantu siasatan.

Dalam serbuan pada jam 12 tengah hari itu, KPDNHEP merampas 105 unit beg tangan, dompet dan seliar serta 1,232 botol minyak wangi yang dipercaya dipakaikan cap dagangan secara salah.

**KES 2**  
**IPOH** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merampas pakaian dan beg tiruan bernilai RM34,430 selepas menyerbu sebuah rumah di Taman Cempaka di sini pada 19 Mei lalu.

Pengaruhnya, Saifulizan Kamarul Zaman berkata, risikan mendapat rumah teres satu tingkat itu disyaki dijadikan stor penyimpanan dan membungkus barang tiruan berjemaah.

"Kesemua barang yang disita tersebut disimpan di stor eksibit KPDNHEP Perak untuk siasatan lanjut," katanya,



KPDNHEP terlibat dalam Pasukan Petugas Khas Membanteras Barang Tiruan dan Cetak Rompak.

HARI : SABTU  
TARIKH : 27/08/2022  
M/SURAT : 12

## Segera tambah premis tawar jualan lebih murah

**Kuala Lumpur:** Lima kementerian terbabit dengan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) diminta menyegerakan dan mempertingkatkan jumlah premis yang menawarkan perkhidmatan jualan lebih murah menerusi agensi masing-masing.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, kementerian berkenaan adalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Annuar yang juga

Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, sebanyak 127 lokasi jualan program itu dijalankan bagi minggu pertama, jauh daripada sasaran penuh iaitu 639 lokasi di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di seluruh negara.

"Oleh kerana terdapat lima kementerian yang berbeza-beza, dalam pelaksanaan ini, laporan menunjukkan masih banyak lagi lokasi yang belum menjalankan perniagaan ataupun khidmat jualan murah Keluarga Malaysia.

"Kementerian berkenaan dikehendaki membuat pelaporan pada setiap minggu kepada jawatankuasa (pasukan khas) untuk memastikan matlamat mengadakan jualan di kesemua 639 premis (lokasi) dapat dicapai dalam masa terdekat," katanya.

Lima kementerian terbabit dalam program PJMKM

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **SABTU**  
TARIKH : **27/08/2022**  
M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan					
▪ Ayam	<b>RM8.19</b>	▪ Telur Gred A	<b>RM12.90</b>	▪ Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
▪ Daging Lembu Tempatan	<b>RM44.29</b>	▪ Ikan Kembung	<b>RM9.99</b>	▪ Bawang Besar Holland	<b>RM3.50</b>
▪ Daging Lembu Import	<b>RM53.90</b>	▪ Minyak Masak	<b>RM6.70</b>	▪ Bawang Putih	<b>RM4.90</b>
				▪ Cili Merah	<b>RM12</b>
				▪ Kubis Tempatan	<b>RM3.20</b>
				▪ Tepung Gandum	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP